

Lew Ya Ling, Teoh Hooi See
Agama Buddha yang Bersifat Kemanusiaan:
Perbandingan Ciri-ciri Karya He Naijian dengan Lin Qingxuan

Agama Buddha yang Bersifat Kemanusiaan: Perbandingan Ciri-ciri Karya He Naijian dengan Lin Qingxuan

Lew Ya Ling, Teoh Hooi See
Jabatan Pengajian Tionghoa
Universiti Malaya.

Abstrak

Pada abad 20 tahun 80-an, perkembangan pesat sektor industri dan perdagangan telah menyebabkan kekosongan hati insan di Taiwan. Prosa Buddhisme seterusnya mempunyai ruang pertumbuhan dan prosa Buddhisme Lin Qingxuan memperolehi sambutan yang bagus daripada pembaca. Kebangkitan agama Islam yang berlaku pada 80-an di Malaysia menyebabkan golongan kesusasteraan Melayu menitikberatkan unsur agama Islam. Ini telah menimbulkan fenomena di mana penganut agama Buddha mencontohi penulis Islam dan turut menerapkan unsur Buddhism ke dalam prosa masing-masing. Prosa Buddhisme He Naijian terutamanya mendapat komen yang bagus. Kajian ini cuba mengkaji persamaan dan perbezaan kesusasteraan Buddhisme melalui analisis terhadap pemilihan topik penulisan, gaya pengisahan dan cara penyampaian dalam koleksi prosa Buddhisme masing-masing yang terawal untuk memahami keistimewaan tempatan dan persamaan budaya dalam prosa Buddhisme.

Kata kunci: Kesusasteraan Buddhisme, prosa Buddhisme, agama Buddha bersifat kemanusiaan, He Naijian, Lin Qingxuan

Humanistic Buddhism: Buddhist Prose Comparison of He Naijian and Lin Qingxuan

Lew Ya Ling, Teoh Hooi See
Department of Chinese Studies
University of Malaya.

Abstract

In the 1980s, due to the rapid development of trade and industry in Taiwan led to people emptiness, Buddhism prose hence growth. Buddhism prose by Lin Qingxuan loved by readers. Malaysia due to the development of the wave of Islamic revival in the eighties, Malay literature began to pay special attention by putting religion values into literature and this was followed by Buddhist writers. Prose by He Naijian is praised. This paper attempts to analyze the choice of theme, narrative gesture and expression of the two authors' first collection of Buddhism prose, to explore the most "primitive" of Buddhist literature similarities and differences, in order to discern the cultural similarities and regional characteristics of Buddhism prose.

Keywords: Buddhism literature, Buddhism prose, humanistic Buddhism, He Naijian, Lin Qingxuan

Pendahuluan

Kajian ini cuba membandingkan prosa Buddhisme antara Lin Qingxuan dengan He Naijian. Prosa Buddhisme merupakan salah satu genre daripada sastra Buddhisme. Lingkungan “sastra Buddhisme” ini sebenarnya adalah luas. Ia meliputi segala karya sastra yang dipengaruhi oleh agama Buddha. Kadang kala hanya sebahagian kecil daripada karya ini yang mempunyai isi agama Buddha. Pengarangnya mungkin tidak mengenali atau memahami ajaran Buddhisme. Dari perspektif yang sempit, “sastra Buddhisme”, pengarangnya mesti mengenali dan memahami ajaran agama Buddha, menjadikan Dharma dan pengalaman kepercayaan sebagai isi jiwa. (Kaji, 1993, h. 14-15) Jika diteliti dari aspek definisi prosa, permintaannya seperti “mencurahkan perasaan, pandangan dan keperibadian secara terus” (Yu, 2008, h. 16), prosa Buddhisme juga mementingkan kesedaran pengkaryaan pengarang, mempersembahkan pemahaman dan pengalaman terhadap agama Buddha melalui teknik dan bentuk sastra. Oleh itu, kajian ini menggunakan sastra Buddhisme dari perspektif yang sempit.

Setakat ini, tidak pernah ada lagi kajian yang membandingkan prosa Buddhisme He Naijian dengan karya penulis lain. Terdapat beberapa kertas kerja yang mengkaji ciri-ciri prosa He Naijian. Antaranya ialah jurnal Chen Dawei “Mahua Sanwen Shiye Yu Jiyi De Gexin, 1967-1975” (马华散文视野与技艺的革新, Reformasi tentang Visi dan Teknik Prosa Mahua, 1967-1975, 2009), artikel Guo Lianhua iaitu “He Naijian Foxue Xiaopin Zhong Ziran De Fayu Tuxiang” (何乃健佛学小品中自然的法语图像, Citra Bahasa Agama Buddha Dalam Prosa Buddhisme He Naijian, 2001), “He Naijian Zuopin Zhong De Dao Yu Chan” (何乃健作品中的道与禅, “Dao” dan “Zen” dalam Karya He Naijian, 2010) dan sebuah tesis ijazah sarjana iaitu *He Naijian “Chan Zai Chansheng Li” De Bini Xiuci Yanjiu* (何乃健《禅在禅声里》的比拟修辞研究, Kajian Retorik Personifikasi dalam Karya He Naijian ‘Zen di Suara Riang-riang’, 2005/2006) daripada Zhang Xiaofang. Semua kritikan ini telah memastikan prosa Buddha He sarat dengan pemikiran falsafah, penggunaan retorik yang banyak seperti metafora dan analogi, bahasa yang penuh dengan unsur puitis, isi yang penuh dengan ilmu pengetahuan dan perasaan yang ikhlas.

Dalam prosa Buddhisme Taiwan, Lin Qingxuan dan prosanya memperoleh perhatian daripada ramai. Artikel Bian Xinguo “Lin Qingxuan Sanwen De Renwen Jingshen” (林清玄散文的人文精神, Nilai Kemanusiaan dalam Prosa Lin Qingxuan, 2001) dan tesis sarjana Du Yousheng *Xunzhao Xinling Guishu De Renjian Puti: Lun Lin Qingxuan Foli Sanwen* (寻找心灵归属的“人间菩提”——论林清玄佛理散文, Perbincangan tentang Prosa Ajaran Agama Buddha Lin Qingxuan, 2005) berbincang mengenai nilai keseluruhan prosa penulis Lin Qingxuan. Kedua-dua kajian ini berpendapat tema prosa Lin Qingxuan adalah mengenai kemanusiaan. Lin mengutamakan budaya tradisional China dalam karyanya dan berharap nilai Timur dapat memperbaiki kekurangan budaya Barat yang semakin diutamakan oleh penulis moden. Tesis sarjana Han Bingshuang *Wen Ru Lianhua: Lun Lin Qingxuan Sanwen De Yishu Yu Chengjiu* (文如莲花——论林清玄散文的艺术与成就, Perbincangan tentang Kesenian dan Kejayaan prosa Lin Qingxuan, 2009), membuat perbandingan antara karya Jia Pingwa, Yu Guangzhong dan Lin Qingxuan, menganalisis sebab pembentukan dan persembahan gaya prosa Lin Qingxuan untuk menunjukkan gaya estetik prosa Lin.

Cendekiawan yang mengkaji karya Lin Qingxuan (1953-) sentiasa membuat perbandingan antara karya Lin dengan karya Feng Zikai (1898-1975), Xu Dishan (1894-1941) dan Jia Pingwa (1952-). Antara kajian-kajian ini, ada yang mengkaji pengaruh karya penulis-penulis ini terhadap karya Lin, ada pula memperbandingkan ciri-ciri prosa Buddhisme antara mereka. Di golongan penulis Mahua, sebenarnya karya He Naijian (1946-2014) juga mempunyai ciri-ciri yang boleh diperbandingkan dengan karya Lin Qingxuan. Sebelum menjadi penulis prosa Buddhisme, Lin merupakan wartawan surat khabar. Beliau mengutamakan pengkaryaan prosa, laporan sastera dan komen berkaitan dengan budaya. Karyanya telah menang dalam banyak pertandingan. He Naijian pula merupakan seorang penyajak, beliau telah menerbitkan kumpulan sajak seperti *Suiye* (碎叶, Cebisan Daun), *Liuyin Fenfei* (流萤纷飞, Kunang-kunang Berterbangan), *Caifeng Jianyu* (裁风剪雨, Mengunting Angin dan Hujan) sebelum kumpulan prosa Buddhismenya diterbitkan. Beliau juga pernah memenangi dalam pertandingan kesusasteraan. Dua orang penulis ini telah mula menulis prosa sebelum mereka mengenali agama Buddha, kumpulan prosa Buddhisme diterbitkan hanya selepas mereka belajar Dharma agama Buddha. Sungguhpun kedua-dua orang penulis ini berada di tempat yang berlainan, He berada di Malaysia, Lin pula berada di Taiwan, terdapat persamaan dalam pengalaman riwayat mereka, iaitu kedua-dua orang ini mempunyai hubungan yang rapat dengan pertanian. Lin dilahirkan dalam keluarga yang menjalankan pertanian di Gao Xiong, Taiwan. Ayahnya merupakan seorang petani. Lin pernah bekerja di sawah padi bersama ayah dan abangnya, beliau amat mengambil berat terhadap kehidupan petani. He Naijian pula berpindah ke Kedah, Malaysia beberapa tahun kemudian selepas beliau dilahirkan di Bangkok, Thailand. Kedua-dua tempat ini terkenal dengan penanaman sawah padi. Beliau menamatkan pengajian tingginya di Jabatan Pertanian Universiti Malaya dan menjalankan kerja yang berkaitan dengan bidang perkembangan sawah padi selepas itu. Pekerjaan ini merupakan unsur yang penting dalam riwayatnya selain daripada Dharma dan kesusasteraan. (He, 2007) Prosa Buddhisme mereka mendapat respon yang baik dalam alam sastera. *Puti xilie* (菩提系列, Koleksi Puti) Lin memperolehi sambutan yang hangat manakala karya He pula merupakan karya yang paling banyak dipilih untuk disimpan dalam *Mahua Fojiao Sanwen Xuan* (马华佛教散文选, Koleksi Prosa Buddhisme Mahua). Editor berpendapat bahawa kuantiti dan kualiti prosa He adalah menonjolkan dalam sejarah pengkaryaan prosa Buddhisme Mahua dan menekankan bahawa kuantiti karya yang dipilihnya dapat menunjukkan pencapaian para penulis dalam prosa Buddhisme. (Guo & Lin, 2013, h. 7)

Lin dan He bukan perintis dalam bidang prosa Buddhisme di kawasan masing-masing, tetapi prosa Buddhisme mereka merupakan prosa Buddhisme yang paling digemari. Kumpulan prosa Buddhisme mereka dikeluarkan pada tahun 80-an iaitu *Zise puti* (紫色菩提, Puti Ungu) diterbitkan pada tahun 1986 dan *Xili de Yanyu* (淅沥的檐雨, Hujan di bawah Bumbung) He pula diterbitkan pada tahun 1990, berbeza hanya kira-kira empat tahun. Memilih kumpulan prosa Buddhisme yang pertama sebagai skop kajian adalah untuk mengkaji keadaan dan wajah prosa Buddhisme dua buah tempat ini pada awal pembentukan. Mengikut Wang Anyi (1954-), karya sulung mempunyai perasaan yang paling tulen, perasaan ini belum lagi dicemarkan. Karya sulung juga lebih berdikari kerana tidak dikongkong dan dipengaruhi oleh pengalaman orang dahulu. (Wang, 1997, h. 24) Penulisan, penerbitan, penggabungan yang pertama untuk agama dan kesenian

mungkin tidak lagi mentah, tetapi melalui analisis pemilihan topik penulisan, gaya pengisahan dan cara penyampaian kumpulan prosa Buddhisme, dapatlah memahami persamaan dan perbezaan kesusasteraan Buddhisme yang asal, mengetahui lebih lanjut mengenai persamaan budaya dan keistimewaan tempatan prosa Buddhisme.

Dua orang penulis ini menulis prosa Buddhisme selepas mengenali agama Buddha. Tetapi faktor yang mendorong penglibatan dua orang penulis ini untuk menghasilkan karya yang berunsurkan Buddhisme adalah berlainan. Pada abad ke-20 tahun 80-an, perkembangan pesat sektor industri dan perdagangan telah menyebabkan kekosongan hati insan di Taiwan. Fenomena di mana manusia sering mengejar kebendaan telah menimbulkan kerisauan dan kebimbangan di kalangan ramai. Sebagai seorang penulis, Lin mempunyai kesedaran yang lebih daripada orang ramai, beliau telah menyerapkan ajaran-ajaran agama Buddha yang dapat menenangkan hati dalam prosanya supaya orang ramai turut berkongsi faedah ini. Di Malaysia, akibat kebangkitan agama Islam pada tahun 80-an, penulis Melayu bukan setakat sahaja menerapkan unsur Islam ke dalam kehidupan harian mereka, malah juga menerapkan unsur Islam ke dalam karya mereka. Fenomena ini telah menyebabkan non-muslim menyedari kepentingan mempertahankan budaya dan agama masing-masing. Persatuan agama Buddha di Malaysia menggalakkan penganut Buddha menceburi dalam penulisan. (He, 1995, h. 20) He dan penulis-penulis lain menyumbangkan tenaga mereka di bawah sokongan dan galakan ini. Agama Buddha digunakan untuk menenangkan hati di Taiwan, manakala agama Buddha telah digunakan untuk memperkukuhkan lagi budaya orang Cina di Malaysia. Agama Buddha telah memainkan fungsi yang penting dalam menyelesaikan masalah manusia sama ada di Taiwan atau di Malaysia dan seterusnya prosa Buddhisme dapat berkembang seiring dengannya. Agama Buddha yang dipaparkan dalam prosa Buddhisme dua buah tempat ini merupakan “agama Buddha bersifat kemanusiaan” dapat digunakan dalam kehidupan harian dan menjadi panduan hidup. Pendeta Taixu (1890-1947) memberi penerangan kepada “agama Buddha bersifat kemanusiaan”, “Apa yang dikatakan dengan agama Buddha bersifat kemanusiaan, bermaksud tidak mengajar manusia untuk menjadi dewa-dewi, hantu atau pendeta yang menyembunyikan diri di dalam hutan, tetapi menggunakan dasar agama Buddha untuk mengubah masyarakat, memajukan manusia dan memurnikan dunia.” (Ven, 1970, h. 431) Dari sini, didapati arah tuju agama Buddha bersifat kemanusiaan adalah dari sudut manusia, mengutamakan realiti hidup manusia, memikir dari hidup manusia untuk menuju ke keadaan alam yang lebih baik.

Penekanan topik penulisan yang berlainan: Mengkritik perangai dan perbuatan buruk/ memuji perhubungan manusia dan moral

Ciri-ciri yang paling jelas dan menonjolkan dalam prosa Buddhisme adalah pemilihan topik mengenai Buddhisme. Pemilihan topik kedua-dua orang penulis ini berkait rapat dengan “manusia”. Lin menyatakan dalam prakatanya bahawa beliau ingin menggunakan tulisan dan bahasa untuk menyampaikan bagaimana seseorang manusia dapat berjalan di atas jalan yang betul. (Lin, 1986, h. 6) Walaupun He tidak menyatakan dengan jelas bahawa prosa Buddhismenya adalah bermula dengan tema “manusia”, tetapi beliau pernah menyatakan bahawa teks dalam kumpulan prosa ini adalah catatan tentang “pemikiran mendalam mengenai hidup dan mati”. (He, 1990, h. 160) “Hidup” dan “mati”

di sini semestinya menunjukkan perubahan bentuk hidup yang berkait rapat dengan manusia. Dua orang penulis ini telah menonjolkan ajaran asas dalam agama Buddha iaitu “jangan melakukan sebarang yang jahat, melakukan segala yang baik, memuliakan hati dengan kesedaran sendiri” dalam karya sulung mereka. Ini merupakan ajaran asas semua agama Buddha. Pepatah ini menunjukkan agama Buddha sama juga seperti agama yang lain, menasihati penganutnya melakukan segala yang baik dan melarang penganutnya berbuat jahat. Oleh itu, kita boleh dapati bahawa karya Lin dan He penuh dengan topik mengenai “hati yang baik”. Contohnya Lin bukan sahaja memuji tindakan insan yang menghargai barang, mendorong orang menderma dan menghulurkan bantuan kepada orang yang memerlukannya. He juga banyak memuji hati insan yang baik dan sudi berkorban. Jika penulisan mereka hanya setakat ini, tidak dapatlah menunjukkan ajaran agama Buddhisme. Kata kunci ajaran agama Buddha adalah di bahagian akhir pepatah itu iaitu “memuliakan hati dengan kesedaran sendiri”. Ia bermaksud segala penapaan kembali ke arah diri sendiri, manusia perlu sentiasa sedar, memuliakan hati dengan usaha sendiri, dan menekankan fungsi “hati”. Walaupun Lin dan He baru belajar tentang ajaran Buddha, tetapi kedua-dua orang penulis ini telah mendapati keistimewaan agama Buddha, oleh itu kumpulan prosa mereka terdapat beberapa teks prosa tentang imej dan fungsi hati. Contoh-contoh ini boleh diperolehi daripada prosa Lin iaitu “Weixin Jishi Jingtu” (唯心即是净土, Hati Menentukan Kesucian Tanah), “Qiuxin Lu” (求心录, Catatan Meminta Hati), “Yinian Sanqian” (一念三千, Satu Fikiran Pelbagai Alam) dan karya He iaitu “Xin” (心, Hati). Dalam prosa “Xin”, He mengumpamakan hati sebagai penunggang, “Hati merupakan penunggang yang mengawal kuda, nafsu manusia pula bagaikan kuda yang sukar dikawal. Teknik, keberanian dan kegigihan penunggang menentukan adakah dia terus berada di atas kuda yang berlari atau jatuh dari kuda dan mati di bawah telapak... hati mempunyai tanah suci, hati juga mempunyai neraka. Ini kerana Buddha dalam hati, syaitan pun dalam hati.” (He, 1990, h. 15) Lin juga mencatat ajaran pendeta Damo dalam “Qiuxin Lu”, “Satu hati merupakan sebuah tanah Buddha semasa tidak berkhayal,. Manakala satu hati merupakan sebuah neraka semasa berkhayal.” (Lin, 1986, h. 209) Di sini, dua orang penulis memahami hati mempunyai kebolehan untuk mengubah keadaan luar, menunjukkan agama Buddha yang mendorong manusia memahami diri sendiri serta meneroka khazanah dalam hati.

Lin dan He menulis topik yang berunsurkan Buddhisme tetapi tidak jauh dari tema “manusia”. Contoh topik adalah seperti “Wujie” (五戒, Lima Larangan), “Chanhui” (忏悔, Penyesalan), “Wozhi” (我执, Egocentrisme), “Dangxia” (当下, Saat kini), “Lunhui” (轮回, Samsara), “Yinguo yu Yinyuan” (因果与因缘, Sebab Akibat dan Faktor), “Liudao Zhongsheng” (六道众生, Enam Jenis Benda Hidup), “Pusa” (菩萨, Bodhisattva), “Chanzong” (禅宗, Zen) dan sebagainya. Menurut pendeta Xinyun, “Wujie shishan” (五戒十善, Lima Larangan Sepuluh Kelakuan Baik), “Siwu Liangxin” (四无量心, Empat Hati yang Menguntungkan Orang), “Wucheng Gongfa” (五乘共法, Lima Cara yang Asas), “Yinyuan Guobao” (因果果报, Faktor dan Akibat) dan “Chanjing zhongdao” (禅净中道, Latihan Zen dan Tanah Suci) merupakan pemikiran asas untuk agama Buddha bersifat kemanusiaan. Semua ajaran ini merupakan tunjuk ajar Buddha di kalangan manusia, juga merupakan ajaran yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan harian. (Ven & Zeng, 1994, h.21) Dari pemilihan bahan penulisan Lin dan He, didapati

agama Buddha telah berubah dari agama Buddha dalam tokong ke agama Buddha dalam kalangan manusia, agama yang mempunyai hubungan rapat dengan kehidupan. Tahap kepercayaan agama telah berbeza dengan bentuk agama dulu yang mementingkan pemakanan vegetarian, menyembah dan kepercayaan ramalan kepada dewa-dewi. Dalam penulisan topik “Pusa”, Bodhisattva bukan lagi dewa-dewi yang disembahkan oleh rakyat jelata di dalam tokong, yang digunakan untuk mengejar kebahagiaan dan mengelakkan kepahitan. Maksud Bodhisattva dalam penulisan kedua-dua orang penulis ini merupakan manusia biasa yang mempunyai kesedaran dan sudi membantu orang lain. Dalam penulisan He, seorang pelajar menengah yang sudi mendermakan buah pinggangnya untuk menyelamatkan rakannya adalah seorang Bodhisattva. Lin pula berpendapat bahawa guru yang terkorban kerana melindungi para pelajarnya daripada serangan tebusan digelar sebagai Bodhisattva. He dan Lin mempunyai perasaan yang mendalam terhadap nilai murni penderma dan pelindung ini. Kedua-dua orang penulis telah menggunakan simbol “sungai yang tercemar boleh juga dibersihkan” (He, 1990, h. 34 & Lin, 1986, h. 160) untuk menyampaikan harapan terhadap perubahan sesebuah masyarakat. Pada masa ini, Bodhisattva bukan lagi pelindung yang diminta bantuan tetapi merupakan insan yang boleh dijadikan teladan dan tahap Bodhisattva dapat dicapai melalui pemurnian tingkah laku diri sendiri.

Selain topik agama Buddha, penulis-penulis juga menjelaskan ajaran Buddha melalui topik lain. Ini kerana jika meneliti perkara dalam kehidupan harian, kita juga boleh dapati banyak perkara yang mencerminkan ajaran Buddha. Pemilihan bahan kedua-dua orang penulis masih lagi menekankan “manusia”. Daripada pemilihan bahan oleh Lin, didapati Lin menitikberatkan perhubungan manusia dan etika moral. Lin berasa masyarakat Taiwan pada masa itu penuh dengan pembunuhan, keganasan dan kedinginan antara manusia. Oleh itu, beliau berharap semua orang boleh “menepati janji, mementingkan taat setia antara kawan, dan taat setia kepada ibu bapa.” (Lin, 1986, h. 69) Jikalau etika manusia dapat dipertingkatkan, maka masalah gejala sosial dapat dikurangkan. Lin mengatakan dalam prosanya, “Saya sentiasa mengatakan saya adalah seorang yang paling bahagia kerana saya mempunyai ibu bapa dan keluarga yang baik pada masa kecil, mempunyai adik-beradik yang berhubung erat pada masa remaja, dan juga mempunyai isteri dan rakan yang baik pada masa dewasa. Saya bersyukur terhadap apa yang saya temui dalam peringkat pertumbuhan saya. Asas terpenting berasal daripada ibu bapa saya. Mereka telah memberikan saya suatu pandangan hidup di mana kita perlu sentiasa positif, prihatin, baik dan bersungguh-sungguh.” (Lin, 1986, h. 237) Dari sini, didapati Lin mengambil berat terhadap hubungan keluarga, dan berpendapat keluarga yang bahagia merupakan asas untuk membentuk akhlak insan yang mulia. Lin banyak menulis tentang hubungannya dengan ayahnya. Lin mengenang kelakuan dan ajaran ayahnya melalui “Baosui Lan” (报岁兰, Orkid yang Berbunga semasa Tahun Baru) dan “Qidai Fuqin de Xiao” (期待父亲的笑, Menanti-nantikan Senyuman Ayah). Beliau juga mencatat upacara pengebumian ayahnya yang mengikut tatacara agama Buddha dan menyampaikan keberatannya terhadap pemergian ayahnya dalam “Fuqin de Foshi” (父亲的佛事, Upacara Pengebumian Ayah yang Mengikuti Tatacara Agama Buddha) dan “Heiyi Bijì” (黑衣笔记, Catatan Baju Hitam). Prihatin Lin terhadap manusia adalah menjangkau masa dan ruangan. Beliau percaya terhadap “Sansheng Yinguo” (三生因果, Sebab Akibat dalam Tiga Riwayat) dan “Liudao Lunhui” (六道轮

回, Samsara Enam Jenis Benda Hidup). Beliau memilih dua buah cerita yang menitikberatkan unsur taat setia antara manusia dalam prosa “Sansheng Shishang Jiu Jinghun” (三生石上旧精魂, Roh Lama dalam Batu Tiga Riwayat). Salah sebuah cerita mengisahkan persahabatan Li Yuan dengan pendeta Yuanze, satu lagi menceritakan legenda Huang Shangu yang bertaat setia kepada ibu riwayatnya yang lalu.

He juga menitikberatkan unsur kasih sayang dan kebajikan, tetapi mencerminkannya melalui kritikan terhadap perangai dan tingkah laku buruk manusia. Beliau menyampaikan kritikan dalam prosanya seperti, “mereka menunjukkan muka yang sombong hanya kerana mempunyai sedikit kekayaan, nama dan kuasa.” (He, 1990, h. 70) “Banyak manusia mempunyai pandangan yang singkat, mereka menipu dan merampas untuk memenuhi nafsu mereka. Mereka telah melupai tingkah laku mereka yang menguntungkan diri sendiri tetapi merugikan orang lain...” (He, 1990, h. 52) “Mereka seolah-olahnya ingin berkhidmat kepada rakyat, seperti ulat yang mempunyai kulit berwarna hijau...” (He, 1990, h. 64) “Seperti perompak dan saudagar buruk yang merugikan orang untuk keuntungan diri, menunjukkan muka yang congkak.” (He, 1990, h. 124) Beliau telah menunjukkan kebenciannya terhadap pegawai yang tamak, berasuah, merugikan rakyat dan meruntuhkan negara. Beliau juga sering menyentuh isu “peperangan” dalam prosanya, menunjukkan prihatin terhadap mangsa peperangan. Ini dipercayai mempunyai hubungan rapat dengan latar belakang penulis kerana beliau hampir mati ditembak cebisan bom ketika berada di Bangkok pada waktu kecil. Ajaran agama Buddha iaitu “Wuyuan Daci, Tongti Dabei” (无缘大慈, 同体大悲, Kerahiman) menyebabkan He mengambil berat terhadap takdir rakyat biasa. Contohnya, He telah mencatatkan kisah seorang petani dalam umur pertengahan membawa sepasang anak untuk meminta bantuan, kisah di mana seorang kanak-kanak yang tiada tangan dan kaki datang untuk meminta sedekah, dan juga kisah seorang penoreh getah berbangsa India yang bekerja sehingga mati dalam kebun getah. He prihatin terhadap mereka yang miskin, yang lemah dan yang tua. “Buta de Suxiang” (不塌的塑像, Ukiran Patung yang Tidak Runtuh) merupakan prosa Buddhisme yang mempunyai keistimewaan tempatan. Polisi kerajaan yang tidak adil menyebabkan patung Avalokitesvara menjadi rendah dan gemuk. He meluahkan perasaan yang pahit dan tidak tahu apa yang boleh buat lagi dalam prosanya. Walaupun tingkah laku manusia yang buruk dan fenomena masyarakat realiti yang menunjukkan ketidakadilan sentiasa menyebabkan penulis marah dan sedih, tetapi beliau masih lagi mempunyai semangat yang positif dan gigih. Seperti apa yang dituliskannya, “Bijian yang berada di tanah subur tidak perlu berasa gembira, bijian yang berada di tanah kersang juga tidak perlu berasa sedih, hanya dengan kesungguhan dan usaha bergigih, baru boleh menentukan takdir akhir bijian padi itu...” (He, 1990, h. 94) Beliau menggalakkan manusia memegang semangat yang gigih, tidak mengundur semasa mengalami penindasan dan penganiayaan.

Dari pemilihan topik prosa Buddhisme yang pertama, didapati kedua-dua orang penulis ini memegang pemikiran agama Buddha yang tulen, menyebarkan konsep agama Buddha yang bersifat kemanusiaan dan menitikberatkan perubahan hati manusia dan masyarakat, berharap penganut agama Buddha dapat menfaedahkan hidup orang dengan pengaplikasian Dharma dan pemikiran yang rasional. Agama Buddha dalam prosa kedua-dua orang penulis tidak lagi menunjukkan fungsi agama yang hanya digunakan

untuk mengejar kebahagiaan dan mengelakkan kepahitan. Perbezaan penulisan kedua-dua orang penulis ini adalah Lin telah meluaskan skop prihatinnya ke tahap yang lebih tinggi. Selain perasaan kasih sayang terhadap manusia, Lin juga mengambil berat terhadap hidup haiwan. Dalam hati beliau, burung, ikan, harimau dan musang perlu dilindungi kerana mereka merupakan benda hidup yang juga dapat merasai Dharma. (Lin, 1986, p. 20) Lin menyampaikan pandangannya dalam prosa “Tiandi Jian de Youqingren” (天地间的有情人, Manusia di Alam langit dan Bumi), “Kita juga tidak boleh mengabaikan manusia yang berada di alam neraka, alam haiwan dan alam hantu. Kita perlu bertimbang rasa dan berkasih sayang terhadap mereka, dan berusaha dalam seumur hidup untuk menyelamatkan mereka...” (Lin, 1986, h. 199) Di sini boleh dapati Lin bukan sahaja mengambil berat terhadap manusia yang dalam masa dan ruangan kini, tetapi juga manusia yang berada di alam yang buruk. Lin telah menunjukkan kasih sayangnya yang luas. Walaupun He juga menggalakkan kasih sayang dan rahim, tetapi kasih sayangnya hanya terhad untuk manusia sahaja. Walaupun beliau juga mengasihi haiwan kecil, mengkritik tingkah laku manusia yang memburu binatang untuk dijadikan sampel, tetapi beliau masih lagi mempunyai hati yang berbeza terhadap ulat dan kutu (He, 1990, h. 63-65, 87-91), tidak begitu sempurna jika dilihat dari sudut agama Buddha yang menekankan “kesamarataan semua benda hidup.”

Gaya pengisahan yang bertentangan: Gaya yang tinggi/ gaya yang rendah

Rahim dan etika moral, boleh ditunjukkan melalui hubungan antara manusia. Dalam agama Buddha, pembinaan pertalian antara manusia sangat penting. Dua orang penulis menunjukkan agama Buddha bersifat kemanusiaan yang lebih mementingkan komunikasi antara manusia, berbeza dengan agama Buddha yang lalu iaitu agama Buddha yang tertutup, bersifat kehutanan, mementingkan penyelesaian masalah sendiri sahaja. Prosa kedua-dua orang ini tidak henti pada pengomelan sendiri, tetapi lebih banyak dipersembahkan melalui dialog dan komunikasi secara dua hala. Kedua-dua orang penulis ini mempunyai peranan sebagai seorang ayah, anak mereka yang comel menjadi imej menonjol dalam prosa mereka. Orang lain yang muncul dalam prosa termasuk juga pendeta dan baderi yang memahami makna ajaran agama; nenek, ayah, isteri, kawan, teman, rakan sejawat yang mempunyai hubungan erat dengan penulis; pekebun teh, doktor tradisional Cina, arkitek, jurutera, cendekiawan yang berpengalaman; dan juga wanita, penjaja dan petani yang biasa. Tidak kira sama ada skop manusia ini merupakan orang yang benar-benar ditemui oleh penulis dalam kehidupan atau direka untuk pengisahan prosa, skop manusia ini mempunyai hubungan dengan “saya”. Sikap penulis terhadap skop manusia juga mencerminkan sikap penulis terhadap pembaca secara tidak langsung. Menurut Zhu Guangqian (1897-1986), gaya pengisahan penulis boleh dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu: menongak, memandang ke bawah, dan memandang sejajar. (Zhu, 1994, h. 181) Gaya pengisahan menongak mempunyai perasaan yang menghormati, gaya pengisahan yang memandang ke bawah mempunyai perasaan melindungi, gaya pengisahan yang memandang sejajar pula mempunyai perasaan mesra. (Zhu, 1994, h. 182) Narator dalam prosa tidak serumit narator dalam novel. Narator dalam prosa biasanya menjalankan pengisahan dengan kata ganti nama pertama iaitu “saya”. “Saya” dalam prosa menunjukkan kepada penulis itu sendiri. Perasaan dalam prosa perlu disampaikan melalui “saya” (Fu, 1998, h. 109). Oleh sebab narator dalam prosa menjalankan pengisahan melalui sudut subjektif, tidak berpisah

dengan gaya persendirian, maka gaya pengisahan kedua-dua orang penulis ini juga agak berbeza.

Terlebih dahulu, didapati sikap dua orang penulis ini berbeza semasa mereka berhadap dengan kanak-kanak. Imej sepasang anak perempuan He sentiasa muncul dalam prosanya tetapi anaknya seolah-olah anak patung, memainkan peranan sebagai pendengar yang senyap. Mereka merupakan penerima, skop manusia yang digunakan oleh He untuk menyampaikan ajarannya. Dalam pandangan He, kanak-kanak seumpama gelas kosong yang tulen. Melalui perbualan “saya” dengan isteri, kita boleh dapati penulis nafi terhadap pandangan anaknya, “Kami berasa lucu dengan kekanak-kanakan anak...” (He, 1990, h. 70) He menggunakan pandangan orang dewasa untuk menentukan makna kata kanak-kanak. Anaknya meluahkan perasaan apabila terlihat ulat hijau, “cantiknya gambar di badan ulat ini!”, penulis pula menggunakan intonasi yang tegas untuk membetulkan pemikiran anaknya, “jangan melupai kebenaran sesuatu objek kerana permukaannya. Banyak fungus yang cantik sebenarnya mengandungi racun yang boleh membawa maut!” (He, 1990, h. 64) Gaya pengisahan He dalam prosa biasanya merupakan gaya pembimbing yang berada di posisi lebih tinggi, menerapkan ajaran Buddha kepada kawan, isteri dan anaknya. Contohnya, beliau menerangkan kepada isterinya mengenai sebab-sebab tempat tinggi juga mengalami banjir (He, 1990, h. 50-52), mengisahkan makna hidup kepada rakanya yang sudah bersara (He, 1990, h. 66-68), menganalisis bagaimana kutu menyerang sawah padi kepada para petani (He, 1990, h. 87-91). “Saya” dalam prosa memainkan peranan seorang cendekiawan yang bijaksana. Walaupun He menerangkan intonasinya adalah secara “sederhana”, “ringan”, “tenang”, “suara rendah”, “lemah lembut” dan “tidak sengaja”, mempunyai perasaan melindungi, tetapi gaya pengisahannya melalui sudut pandangan dari atas ke bawah mudah munculnya perhubungan yang tidak sama rata, mungkin menyebabkan pembaca berasa tidak sabar dan bosan.

Lin bermotif membimbing orang supaya menukarkan sikap manusia yang mengejar kebendaan dari luar ke pencarian makna dalam hati. Gaya pengisahannya adalah rendah, mengubah alam di mana pengejaran yang luar, tinggi, kebendaan kepada yang ke dalam, rendah dan rohani. Kanak-kanak dalam pandangan orang dewasa biasa adalah golongan yang rendah, lemah dan bodoh, dan kelakuan mereka adalah ditentukan dan diarahkan oleh orang dewasa. Lin pula mengagumi gaya kanak-kanak yang semula jadi, bersetuju dengan pandangan kanak-kanak dan memuji hati kanak-kanak yang tulen. Contohnya semasa anaknya berpendapat daun ubi seharusnya dipanggil sebagai “daun merak”, Lin tidak membetulkan anaknya dengan pengetahuan dan pandangannya sendiri, sebaliknya beliau bertanya tentang sebab anaknya berpendapat demikian dan seterusnya memuji anaknya, “Pemerhatian budak yang berumur empat tahun ini telah menggemparkan saya.” (Lin, 1986, h. 106) Lin menganggap kanak-kanak yang tulen dan tiada prejudis sebagai penunjuk Dharma, belajar nilai yang baik dan tulen daripada anaknya. Lin menceritakan perasaannya dalam “Gaokong Qiqiu” (高空气球, Belon di Langit Tinggi), “Saya mahu berterima kasih kepada anak saya, kalau bukan permintaan dia, saya tidak akan masuk ke dalam taman bunga ini oleh kerana sebiji belon.” (Lin, 1986, h. 54) Lin berasa malu dengan sikapnya yang ingin memamatkan lipas dengan selipar apabila berbanding dengan sikap anaknya yang memuji kecomelan lipas. Beliau meluahkan perasaannya, “...seumpama belon

dalam langit tinggi, yang diikat dengan tali tambang yang hitam dan tidak boleh ditanggalkan lagi, anak pula tidak perlukan tali tambang. Dia bukan belon, dia merupakan awan di langit tinggi, bersih tidak tercemar, bebas tiada kongkongan.” (Lin, 1986, h. 55) Dalam pandangan Lin, kanak-kanak merupakan sekeping kertas putih yang belum lagi dicemarkan dengan ketamakan, kebencian dan kebodohan. Mereka mempunyai kebijaksanaan yang tidak dapat dilihat oleh orang dewasa yang bertabiat buruk. Beliau juga pernah berkata, “Anak merupakan guru Zen saya, dia menjadi anak saya untuk mendidik dan mengasuh saya.” (Lin, 1991, h. 74) Penulisan Lin banyak dipengaruhi oleh Feng Zikai (1898-1975). Oleh itu tidak boleh menafikan bahawa pandangan terhadap kanak-kanak yang terunggul itu adalah dipengaruhi oleh Feng Zikai yang mengagumi kanak-kanak (Zhu, 2000 Disember 1). Feng Zikai pernah berkata, “Saya merindui kehidupan pada zaman kanak-kanak. Terutamanya apabila saya melihat sikap kepura-puraan masyarakat, berasa orang dewasa telah kehilangan keikhlasannya. Hanya kanak-kanak comel yang mempunyai sifat sempurna merupakan ‘manusia’ yang benar. Demikianlah saya telah menjadi seorang yang mengagumi kanak-kanak, memuji kanak-kanak dalam karangan pendek dan komik saya.” (Feng, 1996, h. 389) Dalam prosa, Lin merupakan pemerhati yang rendah hati, memperolehi makna dan ajaran daripada pemerhatian sendiri atau pengisahan orang lain. Beliau memainkan peranan yang “mendengar” dan “memperolehi”. Contohnya beliau bertanya kepada pendeta tentang benda agama Buddha seperti ikan-ikanan kayu, kasut pendeta, manik yang diperbuat daripada tulang manusia, loceng dan sebagainya untuk mengetahui makna agama yang diwakili oleh benda-benda ini. Beliau juga memperolehi Dharma daripada pengalaman hidup dan tingkah laku ayah, nenek, doktor tradisional Cina, pekebun teh dan wanita biasa. Lin menggunakan gaya yang menongak atau memandang sejajar, menunjukkan ajaran agama Buddha Mahayana yang menganggap semua benda hidup sememangnya mempunyai hati yang suci, semua orang boleh mencapai tahap Buddha. Gaya pengisahan ini meletakkan dirinya dan pembacanya di tahap yang agak sama rata, penulis hanya membimbing pembacanya ke sesuatu alam pemikiran, tetapi membiarkan pembaca merasai perasaan dan pengalaman dengan sendiri. Ini bukan sahaja menambahkan kemesraan dalam kesusasteraan, pembaca juga lebih senang menerima pandangan penulis melalui cara ini.

Dua orang penulis telah memaparkan komunikasi secara lisan dan komunikasi nilai antara manusia. Sebagai ahli dalam masyarakat, kita tidak dapat berpisah dengan persekitaran kehidupan kita. Persekitaran kehidupan inilah yang menentukan pandangan hidup penulis dan seterusnya mempengaruhi pembentukan pandangan seperti motif penulisan, ideal estetik, pengejaran kesenian dan sebagainya. (Yang, 1998, h. 2) Oleh itu, saya berpendapat gaya hidup He dan Lin yang berbeza berkait rapat dengan pengalaman kerja mereka selain daripada teknik penulisan. Pada masa itu, He merupakan jurulatih di agensi yang paling besar di Malaysia iaitu MADA, Kedah untuk menggalakkan teknik baru pertanian sawah padi. Beliau memainkan peranan sebagai pemimpin dan penasihat sepanjang hari. Pemberian pendapat yang profesional dan tunjuk ajar telah menjadi aktiviti biasa dalam kehidupannya. Oleh itu, beliau meneruskan peranan dalam kehidupan di dalam penulisannya secara tidak sengaja. Lin pula merupakan seorang wartawan, beliau sudah biasa dengan teknik bertanya, memerhati, mendengar dan juga mengetahui kepentingan komunikasi secara dua hala. Oleh itu beliau meneruskan peranan hidupnya di dalam penulisannya. Sama ada gaya pengisahan atau pandangan

terhadap kanak-kanak, He meletakkannya di posisi yang lebih tinggi. Lin pula berada di posisi yang lebih rendah, merapatkan jarak antara penulis dengan pembaca, penulis lebih mendekati pembaca, mudah menyebabkan pembaca berasa selesa dan bersetuju dengan pandangan penulis.

Cara penyampaian yang berbeza: Penghiasan ayat secara satu-persatu/ pembinaan struktur secara keseluruhan

Prosa Buddhisme yang baik bukan sahaja dapat memurnikan hati manusia dengan ajaran agama Buddha, tetapi juga tidak akan kehilangan estetik kesenian dalam kesusasteraan. Dua orang penulis ini berusaha dengan gigih untuk membina suatu titi antara rakyat jelata dengan agama Buddha, menunjukkan wajah agama Buddha yang berkait rapat dengan masyarakat dan kehidupan melalui tulisan mereka, berharap-harap ajaran Buddha dapat memurnikan pemikiran manusia dan dijadikan sebagai panduan hidup. Kedua-dua prosa Buddhisme ini tidak boleh berpisah dengan tujuan “menyebarkan agama” selain pengkongsian pengalaman agama yang tulen, sungguhpun setakat ini tiada lagi pandangan yang selaras tentang adakah prosa Buddhisme yang bertujuan “menyebarkan agama” merupakan prosa yang sebenarnya. (Kaji, 1993, h. 1-16). Sebenarnya, pengkaryaan merupakan suatu pengkongsian pemikiran, sama ada penulis mempunyai motif untuk menyebarkan suatu ajaran atau tidak, pembaca turut menerima pengaruh suatu ideal pemikiran penulis. Dialog antara penulis dengan karyanya, pada dasarnya merupakan dialog dengan pembaca juga. Penulis menggunakan pelbagai cara untuk memperolehi persetujuan daripada pembaca iaitu sebagai penerima, seterusnya mempengaruhi tingkah laku penerima, menjemput penerima untuk memikirkan masa depan bersama-sama. (Zhou, 1997, h. 233-234) Hanya cara pengaruh itu bergantung kepada teknik penulisan dan cara penyampaian para penulis, bagaimana menjadikannya sesuai dan mencapai matlamat merupakan suatu cabaran. Zhu Guangqian (1897-1986) berpendapat dalam jenis kesusasteraan yang melibatkan penerangan makna, peluahan perasaan, pengisahan cerita, penggambaran benda, penerangan maknalah yang paling abstrak, yang paling sukar diuruskan. Beliau mengatakan bahawa sasterawan dulu dan kini biasanya menggunakan dua cara untuk menerangkan makna: satu menggunakan perumpamaan, satu lagi menggunakan pembuktian. (Zhu, 1994, h. 197) Dalam cara penyampaian dua orang penulis ini, didapati He menitikberatkan penghiasan ayat dan penggunaan perumpamaan, Lin pula menitikberatkan pembinaan struktur teks secara seluruh dan menggunakan bukti yang banyak.

Teknik perumpamaan amat penting dalam penulisan prosa. Ia membolehkan makna yang abstrak menjadi lebih konkrit dan senang difahami, seterusnya mendalami maksud karya dan menambahkan lagi nilai estetik (Fu, 1998, h. 237). He menggunakan pelbagai perumpamaan untuk menerangkan kosa kata Buddhisme yang sukar dalam prosa pendeknya supaya pembaca boleh memahaminya. Contohnya beliau mengumpamakan “hati Bodhisattva” sebagai seorang yang mempunyai hati Bodhisattva, hatinya seumpama matahari, memberikan kepanasan kepada kalangan manusia sebelum ia melenyapkan diri...” (He, 1990, h. 13), mengumpamakan “ketamakan, kebencian, kebodohan” sebagai “Jika kebencian merupakan api, saya berharap karma ialah batu granit yang tidak mudah cair. Jika ketamakan ialah jala, saya berharap hati kamu ialah cahaya yang dapat melepasi jala. Jika kebodohan ialah sungai, saya berharap hati kamu

ialah rakit.” (He, 1990, h. 25) Beliau mengumpamakan “khayalan” sebagai “... setiap pembinaan objek yang dikuasai oleh khayalan seumpama pembinaan tambak batu di atas lumpur.” (He, 1990, h. 86) He menggunakan teknik perumpamaan untuk menyampaikan konsep agama Buddha yang abstrak dan susah, pembaca lebih senang menerima dan menguasainya.

Selain itu, He juga menggunakan tumbuh-tumbuhan yang beliau biasa untuk membuat perumpamaan. “Rumput-rumput liar mengalami pelbagai rintangan akhirnya memahami tentang ketidakpastian dunia, justeru dapat senyum terhadap pembunuhan dan keganasan mesin memotong rumput.” (He, 1990, h. 26) “Karma baik yang kecil bagaikan bijian pokok Poinciana, kamu menyemainya dalam tanah, memupuk dengan teliti, suatu hari pokok ini akan berbunga, digunakan orang ramai untuk berteduh. Pemikiran jahat bagaikan bijian pokok fig, jika membiarkannya bertumbuh dalam hati, suatu hari tumbuh-tumbuhan parasitisme yang tamak ini, akan menggunakan akar yang penuh dengan ketamakan, kebencian dan kebodohan untuk mematikan hatimu yang tulen.” (He, 1990, h. 55) “Oleh sebab pokok asas Beringin mempunyai semangat yang tidak mementingkan diri, membiarkan setiap akar udara dapat bertumbuh dengan selesa, tiada serangan dan rebutan. Oleh sebab Egoentrisme telah dikikiskan, kita tidak dapat menentukan mana satu ialah akar dara, mana satu ialah pohon asus pokok Beringin.” (He, 1990, h. 82) He mempunyai pemikiran saintifik, mempunyai pemerhatian yang teliti terhadap benda hidup, oleh itu beliau dapat menggunakan tumbuh-tumbuhan untuk menjelaskan ajaran Buddha, sesuai dan kreatif. Selain tumbuh-tumbuhan, prosa He juga sentiasa munculnya simbol api. Simbol api mewakili Dharma yang seumpama cahaya matahari, memberikan manusia cahaya, kepanasan, tenaga dan sebagainya. Menyalakan api juga bersimbol pengaplikasian Dharma ialah semangat menggunakan cahaya untuk menghalaukan kegelapan.

...nyalakan lilin dalam kegelapan, supaya cahaya kembali ke dalam mata kamu... (He, 1990, h. 42)

Setiap riwayat manusia merupakan api. Jika kamu tidak dapat berfungsi sebagai tenaga dalam relau pelepasan atau turbin, jadilah sebatang obor, sebuah tanglung atau sebatang lilin. Jangan jadi api yang membakarkan sawah padi dan tempat tinggal, atau api yang merugikan orang lain kerana Egoentrisme dan kepentingan diri sendiri... (He, 1990, h. 25)

Cahaya lilin tidak akan mengurang kerana telah berkongsi kepanasan dan cahayanya dengan lilin lain. Sebaliknya, oleh sebab lebih banyak lilin sudah dinyalakan, lilin itu tidak berasa sunyi dalam malam yang sejuk lagi... (He, 1990, h. 18)

Beliau memahami peraturan pergerakan setiap objek di dunia melalui agama Buddha. Oleh itu beliau tidak dikalahkan oleh kegelapan realiti semasa menghadapi penindasan budaya dan agamanya, tetapi masih mengejar cahaya semangat seperti “kegelapan memberikan saya mata yang hitam, saya pula menggunakannya untuk mencari cahaya.” (Gu, 2001, h. 26)

Lin pula mempunyai pemerhatian yang tajam terhadap hidup, kebolehan penerangan makna prosa yang sangat kuat. Jika membuat perbandingan, teks Lin adalah

lebih panjang. Dia menggunakan teknik perancangan, menggunakan pelbagai contoh serta cerita untuk menjalankan pengisahan. “Perasaan dan idea” adalah peluasan perasaan dan penerangan matlamat dalam prosa Lin, ia merupakan ciri-ciri utama untuk prosanya. Bentuk pengisahan bagi prosa Lin biasa menyatakan dahulu cerita kecil yang berkongsi tema yang sama. Ia mungkin adalah pengalaman sendiri, pengalaman kawan, atau apa yang pernah dilihat dan didengar dalam kehidupannya. Ada juga cerita dulu atau kini, cerita dalam negaranya atau luar negara, selepas itu menyerap pula contoh yang dipetik daripada kitab Buddhism ke dalam prosanya, akhirnya menggunakan ajaran Buddha yang diperolehi sebagai kesimpulan. Contohnya dalam petikan “qingkun yu wukun” (情困与物困, kongkongan perasaan dan kongkongan benda). Terlebih dahulu, penulis menceritakan sebuah cerita di mana seseorang kawan menyukai zamrud secara dalam, selepas itu menceritakan wanita dalam umur pertengahan tidak berkahwin kerana tidak melupai percintaannya yang pertama, seterusnya memetik pula makna “sungai cinta” dalam *Huayan jing* (华严经, Kitab Avatamsaka) dan petikan daripada *Za ahan jing* (杂阿舍经, Kitab Samyuktagama) di mana Buddha menerangkan banyak air mata manusia tertitis kerana perpisahan dan kematian. (Lin, 1986, h. 39-45) Kesimpulan dalam prosa ini adalah menasihati manusia supaya menembusi kongkongan daripada perasaan dan mencari ego yang tersendiri. Dalam prosa “Xifu” (惜福, Menghargai Kebahagiaan), penulis mengingati kembali perkara menghargai kebahagiaan yang dilakukan oleh nenek pada masa lalu, seterusnya berkaitan dengan cerita dalam *Liaofan sixun* (了凡四训, Empat Ajaran untuk Liaofan). Selepas itu, memetik pepatah yang berkaitan dengan mengawal nafsu dan menghargai kebahagiaan, akhirnya membuat kesimpulan dengan isi kandungan syarahan pendeta Hongyi yang menyatakan “menghargai kebahagiaan akan memperolehi kebahagiaan”. (Lin, 1986, h. 61-63) Cara penyampaian yang menggunakan pelbagai cerita untuk menerangkan suatu ajaran, menyebabkan isinya lebih menarik, makna Buddhisme diterangkan dengan lebih jelas, mudah menimbulkan kegemaran daripada pembaca.

Seterusnya saya membandingkan cara penyampaian dua orang penulis melalui tema “saat kini”. Dalam prosa He, “Cong Nali Lai, Dao Naar Qu” (从哪里来, 到哪儿去, Datang dari Mana, Pergi ke Mana), anak He bertanya, “Di manakah saya sebelum saya jadikan anak ayah?” He menjawab, “Jangan tertanya-tanya mengenai hayat yang lepas. Yang dulu sudah lepas, bagaikan titisan air terjun tidak dapat mengalir balik. Nyawa manusia susah diperolehi, oleh itu yang pentingnya bukan mengkaji tentang masa yang sudah lepas, tetapi menghargai kini, supaya masa depan kita boleh menjadi lebih bermakna...” (He, 1990, h. 61) Lin pula memilih tiga buah cerita yang mengenai panah untuk menjelaskan tema “saat kini”. Cerita pertama menyatakan jikalau ada orang yang terkena panah beracun, jangan tertanya-tanya mengenai asal usul anak panah, sebaliknya perlu mendapati rawatan dengan segera. Ini bermaksud manusia tidak harus terhenti dalam khayalan dan mengabaikan penyelesaian bagi persoalan yang asas. Cerita kedua pula menggunakan panah untuk menyatakan kesuntuhan riwayat hidup seperti kepantasan panah. Cerita ketiga yang berkaitan panah menasihati orang tidak kira menghadapi perasaan pahit, gembira, cinta atau benci, kita tidak seharusnya terjejas dalam perasaan ini seolah-olah terkena panah yang kedua. (Lin, 1986, h. 136-145) Penerangan He dan Lin mempunyai makna yang sama. He tidak menggunakan apa-apa kosa kata Buddhisme, tetapi menggunakan perumpamaan yang konkrit, ayat yang

ringkas untuk menerangkan makna “menghargai saat kini”. Lin pula menggunakan tiga contoh dari *Ahan jing* (阿含经, Kitab Dirhagama), menjalankan penerangannya dengan tersusun, agak menyakinkan pembaca.

Kitab Buddhisme merupakan catatan bagi ajaran, tingkah laku Buddha dan pendeta-pendeta yang terkagum. Memetik pepatah daripada kitab Buddhisme dapat menambahbaikan lagi isi prosa Buddhisme, meninggikan kepercayaan makna yang diterangkan dalam prosa. Terdapat perbezaan yang besar dalam penggunaan petikan kitab Buddhisme bagi dua orang penulis ini. He hanya menggunakan pepatah daripada kitab Buddhisme dalam *Xili de Yanyu* (淅沥的檐雨, Hujan di Bawah Bumbung), contohnya “sekuntum bunga sebuah dunia, sekeping daun sebuah Buddha” (He, 1990, h. 27) “Segala fenomena tiada keperibadian, tiada hidup tiada padam, tiada kotor tiada bersih, tiada tambah tiada tolak.” (He, 1990, h. 96) “Jika tidak tersedar, Buddha itu benda hidup biasa. Jika tersedar, benda hidup biasa itu Buddha. Segalanya berasal dari hati.” (He, 1990, h. 102) He pada mulanya tidak membaca kitab Buddhisme dengan banyak, tetapi membacanya sedikit demi sedikit untuk keperluan penulisan karangan pendek Buddhisme. (Du, 2007 Julai 3) Demikianlah pepatah yang digunakan dalam prosa hanya sebagai pengenalan, pembaca yang berminat akan mencari kitab Buddhisme setelah membaca prosa He. Keadaan Lin pula terbalik, dia menyatakan dalam *Zise Puti* (紫色菩提, Puti Ungu) bahawa dia menulis dari sudut kitab Buddhisme, dia ingin bercuba menggunakan bahasa sastera untuk menyampaikan konsep yang membuka minda berkaitan masa dan ruangan. (Lin, 1986, h. 6) Oleh itu, Lin bukan sahaja menggunakan banyak kosa kata Buddhisme dalam prosanya, malah menggunakan lagi banyak sajak dan cerita daripada kitab Buddhisme. Mengikut analisis Zhu Caihua (1979-), bilangan jenis kitab Buddhisme yang digunakan oleh Lin dalam kumpulan prosanya yang pertama adalah sebanyak 30 buah. (Zhu, 2007, h. 10) Cara petikan Lin yang memetik banyak perenggan daripada kitab Buddhisme, dapat menerangkan dengan jelas makna Buddhisme, tetapi sesetengah bahagian jika tidak diuruskan dengan baik, juga akan menyebabkan teks membosankan pembaca. Contohnya, beliau telah menggunakan empat perenggan yang besar daripada kitab Buddhisme untuk menerangkan makna “mengikuti sifat benda hidup” (Lin, 1986, h. 181-182) dan menggunakan satu muka surat untuk memaparkan “36 jenis kerugian jikalau meminum arak” (Lin, 1986, h. 147-148). Tulisan panjang ini yang dipetik terus daripada kitab Buddhisme, bukan sahaja susah difahami, nilai kesusasteraannya juga tidak begitu tinggi.

Cara penyampaian Lin dan He telah memaparkan ajaran Buddhisme yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan sama ada langsung atau tidak langsung. He mahir menggunakan teknik perumpamaan supaya makna yang abstrak boleh menjadi lebih konkrit dan senang dikuasai. Lin pula pandai membentuk struktur keseluruhan teks, di mana setiap cerita dan contoh yang diberikan adalah saling berkaitan. Beliau sentiasa menggunakan kitab Buddhisme untuk menjalankan penjelasan, penerangan dan kritikan. Cara penyampaian Lin dan He mempunyai keistimewaan masing-masing. Kedua-dua orang ini menggunakan cara penyampaian yang mereka mahir untuk mencapai matlamat pemupukan akhlak mulia berdasarkan Dharma.

Kesimpulan

Daripada penerangan di atas, didapati kumpulan prosa Lin dan He mempunyai tema yang jelas, menceburi pelbagai topik, hanya penekanan topik mereka berbeza sahaja. Lin lebih menitikberatkan perhubungan manusia dan etika moral, He pula mengkritik fenomena masyarakat yang penuh dengan ketamakan, kebencian, kebodohan. Kedua-dua orang penulis ini menjalankan refleksi tentang nilai hidup. Mereka menyebarkan agama Buddha yang Modenisme dan bersifat kemanusiaan, mementingkan penggabungan Dharma dan kehidupan harian. Mereka berharap agama Buddha membolehkan manusia memurnikan hati diri sendiri, mendorong masyarakat yang kotor menjadi “tanah suci”.

Kedua-dua orang penulis menggunakan cara pengisahan selain daripada pengomelan sendiri, mencerminkan keinginan narator berhubung dengan orang lain. Oleh kerana pandangan kanak-kanak dan pengalaman hidup yang berlainan, gaya pengisahan He adalah tinggi, memainkan peranan pemimpin yang memberikan cadangan dan tunjuk ajar. Gaya pengisahan Lin pula lebih mendekati pembaca, pembaca mudah merasai kemesraan. Walaubagaimanapun, karya Lin mempunyai gaya pengisahan yang lebih tinggi setelah karyanya digemari oleh orang ramai. Pengkaji menyatakan prosa Buddhisme pada peringkat akhirnya, “... semakin tinggi diri, sentiasa menggunakan intonasi ‘pengasas agama’ untuk mengajar orang. Kekurangan hati biasa, penambahan unsur berkhotbah menyebabkan banyak pembaca tidak senang hati.” (Zhu, 2007, h. 51) Didapati gaya pengisahan senang mempengaruhi perasaan pembaca tetapi juga mudah diabaikan oleh penulis.

He dan Lin menggunakan cara penyampaian yang berlainan untuk menyampaikan Dharma, berharap pembaca dapat memperolehi sesuatu yang memperangsangkan minda. He menitikberatkan perhiasan ayat, Lin pula menitikberatkan pembentukan struktur seluruh teks. Cara penggunaan kedua-dua orang penulis ini tidak sama, bertujuan menggunakan cara yang terbaik untuk menyampaikan konsep Dharma kepada pembaca, supaya pembaca boleh mengaplikasikan Dharma dalam kehidupan. Perkembangan selepas itu, Lin yang mempunyai kebakatan sastera yang lebih tinggi sepatutnya boleh menulis dengan lebih baik, tetapi hakikatnya oleh sebab unsur perdagangan, menyebabkan isi prosanya berulang, tiada pembaharuan dalam struktur penulisan, semakin kehilangan kegemilangan yang ada. He pula mempunyai pengetahuan saintifik yang luas, prosa Buddhisme pada peringkat akhir pula banyak menggabungkan Dharma dengan teori Sains. Beliau berusaha dalam penulisan sehingga akhir riwayatnya. Walaupun kuantiti karyanya tidak sebanyak Lin, tetapi dapat mempertahankan kualiti karyanya.

Menjalankan kajian terhadap penulisan prosa Buddhisme yang awal, didapati Lin menekankan perubahan dalam etika moral dan perhubungan manusia. Ciri-ciri penulisan beliau adalah bersifat rendah diri, tenang, memegang prinsip, “berundur itu sebenarnya maju, mempunyai perasaan rahim Avalokitesvara. Penulisan He pula penuh dengan perasaan bersemangat. Beliau mengejar keterangan, berbelas kasihan terhadap orang yang lemah dan miskin, membenci kegelapan dan penindasan, dan memaparkan semangat gigih semasa menemui kerisauan bangsa dan krisis budaya. Ciri-ciri penulisannya adalah penerangan yang jelas, mempunyai perasaan yang positif dan berusaha, menunjukkan kemarahan Vajrapani. Keistimewaan prosa Buddhisme kedua-

Lew Ya Ling, Teoh Hooi See
Agama Buddha yang Bersifat Kemanusiaan:
Perbandingan Ciri-ciri Karya He Naijian dengan Lin Qingxuan

dua orang penulis ini banyak dipengaruhi oleh latar belakang masyarakat dan pengalaman pekerjaan. Persamaan mereka adalah penulisan prosa Buddhisme yang pertama adalah berkaitan dengan manusia dan masyarakat, mengaplikasikan “agama Buddha bersifat kemanusiaan” yang dicadangkan oleh pendeta Taixu, dan digalakkan oleh pendeta Yinshun (1906-2005) dan Xinyun (1927-). Pada masa depan, bagaimana menggabungkan agama Buddha dengan kesusasteraan dengan lebih baik, merupakan usaha bersama yang perlu diteruskan oleh setiap penulis yang beragama Buddha.

Rujukan

- Bian, X. G. (2001). 林清玄散文的人文精神 [Nilai kemanusiaan dalam prosa Lin Qingxuan]. *Journal of Zhenjiang Teachers College*, 4, 41-44.
- Chen, D. W. (2009). 马华散文视野与技艺的革新, 1967-1975 [Reformasi tentang visi dan teknik prosa Mahua, 1967-1975]. *Journal of Taiwan Normal University Education*, 54(1), 69-89.
- Du, Y. S. (2005). 寻找心灵归属的“人间菩提”——论林清玄佛理散文 [Perbincangan tentang prosa ajaran agama Buddha Lin Qingxuan]. Tesis Sarjana, Universiti Normal Guangxi, Guilin.
- Du, Z. Q. (2007, Julai 3). 耕作农田与耕耘心田: 何乃健谈佛教散文创作 [Berusaha dalam sawah padi dan sawah hati: He Naijian berbincang mengenai pengalaman mengarang prosa agama Buddha]. *Guanghua Ribao*, h. 39.
- Feng, Z. K. (1996). 丰子恺文集 (艺术卷四) [Kumpulan teks Feng Zikai, kesenian judul 4]. Zhejiang: Zhejiang Wenyi Chubanshe.
- Fu, D. M. (1998). 散文艺术论 [Perbincangan tentang kesenian prosa]. Chongqing: Chongqing Chubanshe.
- Gu, C. (2001). 顾城的诗 [Sajak Gu Cheng]. Beijing: Renmin Wenxue Chubanshe.
- Guo, L. H. (2001). 何乃健佛学小品中自然的法语图像 [Citra bahasa agama Buddha dalam prosa Buddhisme He Naijian]. W. R. Xu, 九九马华文学国际学术研讨会论文集 [Koleksi kertas kerja seminar antarabangsa mengenai sastera Mahua pada tahun 99] (h. 271-284). Skudai: Kolej Selatan.
- Guo, L. H. (2010). 何乃健作品中的道与禅 [“Dao” dan “Zen” dalam karya He Naijian]. *Journal of Southern College Academic*(6), 89-98.
- Guo, L. H. & Lin, C. M. (Eds.). (2013). 马华佛教散文选 [Koleksi prosa Buddhisme Mahua]. Petaling Jaya: Foguang Wenhua Shiye.
- Han, B. S. (2009). 文如莲花——论林清玄散文的艺术与成就 [Perbincangan tentang kesenian dan kejayaan prosa Lin Qingxuan]. Tesis Sarjana, Universiti Normal Timur Laut, Changchung.
- He, N. J. (1990). 淅沥的檐雨 [Hujan di bawah bumbung]. Kuala Lumpur: Shifang Chubanshe.

Lew Ya Ling, Teoh Hooi See
 Agama Buddha yang Bersifat Kemanusiaan:
 Perbandingan Ciri-ciri Karya He Naijian dengan Lin Qingxuan

- He, N. J. (1995). 溪声尽是广长舌：浅介马华佛教散文的近况 [Pengenalan perkembangan terkini prosa Mahua berunsurkan Buddhisme]. Li Jingzhong, 马华文学大系：史料 1995-1996 [Maklumat sejarah konpendium kesusasteraan Bahasa Cina di Malaysia 1965-1996] h. 19-25. Johor Bahru: Caihong Chuban Youxian Gongsi.
- He, N. J. (2007). 让生命舒展如树 [Biar jiwa berkembang bagaikan pokok]. Selangor: Dajiang chubanshe.
- Kaji, Tetsujo (1993). 中国佛教文学 [Kesusasteraan Buddhisme China]. (W. X. Liu, Ed.) . Taipei: Foguang Wenhua Shiye Gufen Youxian Gongsi.
- Lin, Q. X. (1986). 紫色菩提 [Puti ungu]. Taipei: Jiuge Chubanshe.
- Wang, A. Y. (1997). 心灵世界：王安忆小说讲稿 [Dunia jiwa: Teks syarahan tentang novel Wang Anyi]. Shanghai: Fudan Daxue Chubanshe.
- Ven, Y. S. (1970). 太虚大师全集 [Kumpulan keseluruhan teks pendeta taixu]. Taipei: "Taixu Dashi Quanj" Yingyin Weiyuanhui.
- Ven, X. Y., & Zeng, F. L. (Eds.). (1994). 佛光缘：人间佛教 [Pertalian Foguang: Agama Buddha bersifat kemanusiaan]. Gaoxiong: Foguang.
- Yang, S. S. (1998). 二十世纪中国作家心态史 [Sejarah perubahan mentaliti pengarang China pada abad ke-20]. Beijing: Zhongyang Bianyi Chubanshe.
- Yu, D. X. (2008). 现代中文散文十五讲 [Lima belas catatan kuliah prosa bahasa Cina moden]. Shanghai: Tongji daxue chubanshe.
- Zhang, X. F. (2005/2006). 何乃健〈禅在禅声里〉的比拟修辞研究 [Kajian retorik personifikasi dalam karya He Naijian "Zen di suara riang-riang"]. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, Petaling Jaya.
- Zhou, Q. H. (1997). 台湾文学与“台湾文学” [Kesusasteraan Taiwan dengan "kesusasteraan Taiwan"]. Taipei: Shengzhi.
- Zhu, C. H. (2007). 寻找心灵的故乡：林清玄佛教散文研究 [Mencari kampung minda: Kajian tentang prosa agama Buddha Lin Qingxuan]. Tesis sarjana, Universiti Huaqiao, China.
- Zhu, G. Q. (1994). 谈文学 [Perbincangan tentang kesusasteraan]. Taipei: Shuquan.
- Zhu, X. H. (2000, Disember 1). 生命的大美 [Kecantikan hidup]. *Zhongguo wenhuabao*.